

**KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<u>Tiada kenaikan tarif elektrik pengguna</u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 1
2.	<u>Tiada kenaikan tarif elektrik sehingga Disember</u>	Sinar Harian	Rujuk lampiran 2
3.	<u>Tarif elektrik kekal hingga Disember</u>	Kosmo!	Rujuk lampiran 3
4.	<u>Academy of Sciences yet to return RM31.6m in unused R&amp;R funds</u>	New Straits Times	Rujuk lampiran 4
5.	<u>Tarif elektrik kekal</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 5
6.	<u>Laporan dibawa ke Parlimen hari ini</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 6

**TEMPATAN**

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
7.	<u>Pasukan khas siasat pencemaran</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 7
8.	<u>Semak arah kiblat hari ini</u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 8
9.	<u>Penyelesaian holistic amat diperlukan</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 9
10.	<u>Aktiviti kuariancam keselamatan, kesihatan</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 10
11.	<u>Automasi ganti kerja</u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 11



## ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
12.	<u>Dua maut gempa bumi Maluku</u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 12
13.	<u>Four, three, two ... oh, wait</u>	The Star	Rujuk lampiran 13
14.	<u>65 gegaran susulan landa Maluku</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 14
15.	<u>Beg plastik memalukan untuk pelanggan degil</u>	Kosmo!	Rujuk lampiran 15
16.	<u>Ribuan penduduk enggan pulang</u>	Kosmo!	Rujuk lampiran 16
17.	<u>Monsun musnahkan hampir 5,000 penempatan pelarian Rohingya</u>	Sinar Harian	Rujuk lampiran 17
18.	<u>Misi Chandrayaan-2 dibatalkan</u>	Sinar Harian	Rujuk lampiran 18
19.	<u>Major Transformations Needed to Achieve SDGS</u>	New Straits Times	Rujuk lampiran 19



LAMPIRAN 1  
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 24  
TARIKH: 16 JULAI 2019 (SELASA)

**Kuala Lumpur**

Tiada kenaikan tarif elektrik pengguna

Tiada kenaikan tarif elektrik bagi semua kategori pengguna untuk tempoh Julai hingga Disember tahun ini.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin berkata, kerajaan mengambil pelbagai langkah untuk mengurangkan kos yang perlu dilepaskan kepada pengguna walaupun terdapat peningkatan kos yang tinggi dalam penjanaan elektrik.

“Menerusi Suruhanjaya Tenaga, kerajaan membuat pelarasan ke atas hasil dan kos elektrik pada 2018 dan 2019 dan berjaya mendapat jumlah penjimatan sebanyak RM336.7 juta.

“Selain itu, kementerian juga mendapat kelulusan Kabinet untuk menyumbang subsidi kepada tarif elektrik melalui peruntukan dana daripada Kumpulan Wang

Industri Elektrik sebanyak RM107.16 juta,” katanya pada sesi Pertanyaan Lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Hasbullah Osman (BN-Gerik) mengenai adakah kerajaan akan mengkaji semula tarif elektrik baru berikutan pergerakan harga arang batu dan gas asli yang merosot di pasaran antarabangsa sejak beberapa bulan kebelakangan ini.

Menurut Yeo, sejak 2015 kerajaan melaksanakan penentuan tarif elektrik berdasarkan mekanisma kawal selia berasaskan insentif (IBR).

Katanya, menerusi mekanisme itu, tarif asas elektrik disemak setiap tiga tahun di mana tempoh regulatori pertama bermula 2015 hingga 2017 dan tempoh kedua IBR bermula 2018 hingga 2020.

LAMPIRAN 2  
SINAR HARIAN (TEMPATAN): MUKA SURAT 10  
TARIKH: 16 JULAI 2019 (SELASA)

## Tiada kenaikan tarif elektrik sehingga Disember

KUALALUMPUR - Tiada kenaikan tarif elektrik bagi semua kategori pengguna elektrik domestik ataupun komersial dan industri untuk tempoh Julai hingga Disember tahun ini.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin berkata, berdasarkan mekanisme *Imbalance Cost Pass Through* (ICPT), kos bahan api dan peningkatan kos penjanaan lain yang perlu dilepaskan kepada pengguna bagi tempoh sama adalah berjumlah RM1.592 bilion melalui surcaj kepada pengguna, iaitu peningkatan sebanyak 39 sen/kwj.

Bagaimanapun, katanya untuk mengurangkan beban rakyat serta pihak komersial dan industri, kerajaan mengambil pelbagai langkah dengan mengurangkan kos yang perlu dilepaskan kepada pengguna.

"Kementerian melalui Suruhanjaya Tenaga telah membuat pelarasan ke atas hasil dan kos elektrik pada tahun 2018 dan 2019 di bawah *Incentive-Based-Regulation* (IBR) berdasarkan peruntukan *Regulatory Implementation Guidelines* (RIGs) dan berjaya mendapatkan jumlah penjimatan sebanyak RM336.70 juta.

"Kementerian juga mendapat

kelulusan Kabinet untuk menyumbang subsidi kepada tarif elektrik melalui peruntukan dana daripada Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) sebanyak RM107.16 juta," katanya pada sesi soal jawab lisan persidangan Dewan Rakyat semalam.

Bee Yin menjawab soalan Datuk **Hasbullah Osman (BN-Gerik)** yang ingin tahu adakah kerajaan mengkaji semula tarif elektrik baharu berikutan pergerakan harga arang batu dan gas di pasaran antarabangsa yang merosot dalam beberapa bulan kebelakangan ini.

Bee Yin berkata, meskipun harga pasaran bahan api mengalami penurunan kebelakangan ini, namun penetapan ICPT bagi Julai hingga Disember ini adalah berdasarkan harga purata bahan api bagi tempoh Januari hingga Jun lepas.

Beliau berkata, kementerian itu sedang merangka Akta Kecekapan dan Konservasi sebagai langkah penggunaan tenaga dengan cekap sekali gus dapat menurunkan penggunaan elektrik dan menjimatkan bil elektrik.

Katanya, satu sesi libat urus dan perbincangan dengan ahli Parlimen akan diadakan bagi mendapatkan maklum balas mengenai akta tersebut. - *Bernama*

LAMPIRAN 3  
KOSMO! (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 4  
TARIKH: 16 JULAI 2019 (SELASA)

Penetapan bagi semua kategori pengguna, kurang beban rakyat

## Tarif elektrik kekal hingga Disember

**KUALA LUMPUR** – Tiada kenaikan tarif elektrik bagi semua kategori pengguna elektrik domestik atau pun komersial dan industri untuk tempoh Julai hingga Disember tahun ini, kata Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin (gambar kecil).

Menurutnya, berdasarkan mekanisme 'Imbalance Cost Pass Through' (ICPT), kos bahan api dan peningkatan kos penjanaan lain yang perlu dilepaskan kepada pengguna bagi tempoh sama berjumlah RM1.592 bilion melalui surcaj kepada pengguna, iaitu peningkatan sebanyak 0.39 sen/kwj.

Bagaimanapun, katanya, untuk mengurangkan beban rakyat serta pihak komersial dan industri, kerajaan mengambil pelbagai lang-



Kah dengan mengurangkan kos yang perlu dilepaskan kepada pengguna.

"Kementerian melalui Suruhanjaya Tenaga telah membuat pelarasan ke atas hasil dan kos elektrik pada tahun 2018 dan 2019 di bawah *Incentive-Based-Regulation (IBR)* berdasarkan peruntukan *Regulatory Implementation Guidelines (RIGs)* dan berjaya mendapatkan jumlah penjimatan sebanyak RM336.70 juta.

"Kementerian juga mendapat kelulusan Kabinet untuk menyumbang subsidi kepada tarif elektrik melalui peruntukan dana daripada Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) sebanyak RM107.16 juta," katanya pada sesi soal jawab lisan



KERAJAAN mengesahkan tarif elektrik bagi semua kategori pengguna kekal untuk tempoh Julai hingga Disember ini. - Gambar hiasan

persidangan Dewan Rakyat di sini semalam.

Bee Yin menjawab soalan **Datuk Hasbullah Osman (BN-Gerik)** yang ingin tahu adakah kerajaan mengkaji semula tarif elektrik baharu berikutan pergerakan harga arang batu dan gas di pasaran antarabangsa yang merosot dalam beberapa bulan kebelakangan ini.

Menurutnya, meskipun harga pasaran bahan api mengalami penurunan

kebelakangan ini, namun penetapan ICPT bagi Julai hingga Disember ini adalah berdasarkan harga purata bahan api bagi tempoh Januari hingga Jun lepas.

Bee Yin memberitahu, kementerian itu sedang merangka Akta Kecekapan dan Konservasi sebagai langkah penggunaan tenaga dengan cekap sekali gus dapat menurunkan penggunaan elektrik dan menjimatkan bil elektrik. - Bernama



LAMPIRAN 4  
NEW STRAITS TIMES (NATION): MUKA SURAT 10  
TARIKH: 16 JULAI 2019 (SELASA)

## Academy of Sciences yet to return RM31.6m in unused R&D funds

**KUALA LUMPUR:** RM31.66 million in unused research and development (R&D) funds allocated for the Academy of Sciences Malaysia (ASM) have yet to be returned to the government.

These were among the findings of the Auditor General's Report 2018 Series 1, which said the funds, allocated under 10th Malaysia Plan, had yet to be recovered. The report said the fund

management of the R&D programme under the Science, Technology and Innovation Ministry, held during the previous administration, did not achieve an optimum level of efficiency.

"The unused funds, which were not recovered, were kept by ASM, and thus could not be distributed to other applicants for its intended purpose," read the report.

It pointed out weaknesses on

the approval process for the fund application and execution of its agreement as well as physical monitoring, which affected the management of R&D programmes.

Among them were five R&D projects with an accumulated expenditure of RM1.4 million, which were terminated due to ASM's failure to submit its Milestone Achievement Report, as

well as three R&D projects which cost RM2.9 million, that did not achieve its goals as stated in the agreement.

In addition, the signing of 19 agreements were delayed between 46 and 408 days, in contrast to the targeted time frame of 30 days.

There were also delays in the approval of 28 applications by the ministry of between four and 211

days, in contrast to the 60-day period under its standard operating procedure.

The report said the Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Ministry had initiated the recovery process.

ASM, through a letter dated April 23 this year, had requested more time to return the unused funds.

LAMPIRAN 5  
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 4  
TARIKH: 16 JULAI 2019 (SELASA)

Dewan Rakyat

# Tarif elektrik kekal

Kerajaan laksana pelbagai langkah kurangkan kos yang perlu ditanggung pengguna

Laporan Rohaniza Idris, Zanariah Abd Mutalib dan Luqman Arif Abdul Karim  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Tarif elektrik bagi semua kategori pengguna domestik dan komersial serta industri dikekalkan untuk tempoh Julai hingga Disember ini.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin,

berkata mengikut mekanisme Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT), kos bahan api dan peningkatan kos penjanaian lain yang perlu dilepaskan kepada pengguna bagi tempoh sama berjumlah RM1.592 bilion melalui surcaj kepada pengguna, peningkatan 0.39 sen/kwj.

Untuk mengurangkan beban rakyat dan pihak komersial serta industri, katanya, kerajaan mengambil pelbagai langkah dengan mengurangkan kos yang perlu dilepaskan kepada pengguna.

“Suruhanjaya Tenaga (ST) membuat pelarasan ke atas hasil dan kos elektrik pada 2018 dan 2019 menerusi Peraturan Berasaskan Insentif (IBR) berdasarkan peruntukan Panduan Pelaksanaan Kawal Selia (RIG) dan mendapatkan penjimatan sebanyak RM336.70 juta.

“Kementerian turut mendapat kelulusan Kabinet untuk



Yeo Bee Yin

menyumbang subsidi kepada tarif elektrik menerusi peruntukan dana Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) berjumlah RM107.16 juta,” katanya pada sesi pertanyaan lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Hasbullah Osman (BN-Gerik) yang bertanya sama ada kerajaan mengkaji semula tarif elektrik baharu berikutan pergerakan harga arang batu dan

gas di pasaran antarabangsa yang merosot dalam beberapa bulan kebelakangan ini.

Bee Yin berkata, walaupun harga pasaran bahan api mengalami penurunan kebelakangan ini, penetapan ICPT bagi Julai hingga Disember ini adalah berdasarkan harga purata bahan api bagi tempoh Januari hingga Jun lalu.

Katanya, kementerian dalam proses merangka Akta Kecekapan dan Konservasi sebagai langkah penggunaan tenaga cekaap, sekali gus berupaya menurunkan penggunaan elektrik dan menjimatkan bil elektrik.

Katanya, satu sesi libat urus dan perbincangan dengan Ahli Parlimen akan diadakan bagi mendapatkan maklum balas mengenai akta berkenaan.

“Saya harap Ahli Parlimen dapat menghadirinya kerana kita mahu ia berjaya dilaksanakan,” katanya.

LAMPIRAN 6  
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 13  
TARIKH: 16 JULAI 2019 (SELASA)

Selat Johor 'mati'

# Laporan dibawa ke Parlimen hari ini

Usaha cari penyelesaian terbaik

Oleh Mohamed Farid Noh  
farid\_noh@bh.com.my

**Johor Bahru:** Laporan muka depan *BH* semalam bertajuk Selat Johor 'mati' yang memaparkan isu pencemaran akan dibawa ke sesi Persidangan Kamar Khas Dewan Rakyat, petang ini.

Ahli Parlimen Pasir Gudang, Hassan Karim, berkata langkah itu bagi membolehkan jalan penyelesaian terbaik dicari selepas isu itu didedahkan semalam.

"Esok (hari ini) saya bersama lapan Ahli Parlimen dari Johor akan bertemu Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin dalam Persidangan Kamar Khas Dewan Rakyat pada jam 5 petang.

"Saya akan bawakan laporan *BH* mengenai Selat Johor 'Mati'

yang membabitkan sungai dan kawasan perairan Pasir Gudang bagi dibincangkan supaya penyelesaian terbaik dapat dicari bersama-sama.

"Pencemaran sungai serta perairan di Pasir Gudang sehingga ke Selat Johor bukan baru setahun dua, malah sudah lebih 10 tahun. Maka kali ini tindakan lebih tegas perlu dicari dan diambil.

"Saya juga akan membawakan hasil dialog meja bulat berkaitan pencemaran udara Pasir Gudang yang diadakan minggu lalu dalam sesi khas esok," katanya ketika dihubungi *BH*.

Semalam *BH* dalam laporan eksklusifnya melaporkan, hidupan laut di Selat Johor kini diancam kepupusan, menyebabkan punca rezeki ratusan nelayan terjejas apabila pencemaran toksik didakwa sudah berlarutan sejak lebih 10 tahun lalu.

Insiden pencemaran sungai di sekitar selat yang turut dikenali sebagai Selat Tebrau, menambah derita nelayan apabila sisa toksik didakwa dibuang dan dialirkan secara haram sejak se-



Keratan akhbar *BH* semalam.

kian lama sehingga meracuni hidupan laut.

Tinjauan *BH* di beberapa sungai, termasuk Sungai Kim Kim, mendapati aliran seakan-akan minyak hitam pekat mengalir dari hilir sungai dan lapisannya mencemari Sungai Kim Kim yang bersambung de-

ngan Selat Johor.

Sungai lain yang didakwa tercemar dengan toksik sehingga menjejaskan pendapatan nelayan, termasuk Sungai Masai, Sungai Masai Kecil, Sungai Perempi, Sungai Latoh serta Sungai Perigi Aceh, semua bersambung dengan Selat Johor.



**LAMPIRAN 7**  
**BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 14**  
**TARIKH: 16 JULAI 2019 (SELASA)**

## Pasukan khas siasat pencemaran

**Johor Bahru:** Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor akan menubuhkan pasukan khas bagi menyasat pencemaran sungai dan perairan di Pasir Gudang, dekat sini, yang menyebabkan hidupan akuatik di situ, semakin pupus.

Pengarah JAS Johor, Wan Abdul Latiff Wan Jaafar, berkata pasukan berkenaan akan ditubuhkan dalam masa terdekat bagi menyasat secara terperinci elemen pencemaran yang mencemari perairan itu sejak sekian lama.

“JAS juga sudah menggerakkan pegawai dan anggota membuat pemantauan lanjut, malah kita sedang merangka pelan jangka pendek dan panjang bagi mengatasi masalah pencemaran perairan berkenaan, termasuk menggerakkan Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar Johor, namun ia perlu diperincikan bersama Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar, Tan Chen Choon,” katanya di sini, semalam.

Sementara itu, Wan Abdul Latiff berkata, JAS juga akan meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan ke atas punca pencemaran mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 .

**LAMPIRAN 8**  
**HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 27**  
**TARIKH: 16 JULAI 2019 (SELASA)**

**Kuala Lumpur**

### Semak arah kiblat hari ini

Umat Islam di Malaysia boleh membuat semakan dan mengesahkan arah kiblat hari ini apabila kedudukan matahari berada tepat di atas Kaabah ekoran fenomena unik yang berlaku dua kali setahun.

Planetarium Negara dalam satu kenyataan berkata, penentuan arah kiblat boleh dilakukan dengan memerhati bayang-bayang matahari yang dihasilkan oleh objek tegak tepat pada jam 5.27 petang waktu Malaysia.

“Orang ramai hanya perlu mencari objek tegak seperti dinding bangunan, tiang elektrik

dan rangka tingkap yang tegak atau menggantung objek berat dengan talinya yang menegak menghasilkan bayang-bayang yang menghalu Kaabah.

“Fenomena ini berlaku dua kali dalam setahun iaitu pada setiap 28 Mei dan 16 Julai dan bayang-bayang yang terhasil bergantung kepada keadaan cuaca semasa,” menurut kenyataan itu, semalam.

Dalam pada itu, orang ramai juga boleh menyaksikan fenomena gerhana bulan separa yang dijangka berlaku esok bermula jam 4.01 pagi dan berakhir pada 6.59 pagi waktu Malaysia. - Bernama

LAMPIRAN 9  
 UTUSAN MALAYSIA (FORUM): MUKA SURAT 20  
 TARIKH: 16 JULAI 2019 (SELASA)



**PENCEMARAN** udara kali kedua yang melanda Pasir Gudang, Johor telah menyebabkan gangguan kesihatan kepada orang ramai. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

## Penyelesaian holistik amat diperlukan

**SAUDARA PENGARANG,**

**PENCEMARAN** udara kali kedua yang melanda Pasir Gudang, Johor, baru-baru ini membimbangkan penduduk tempatan. Walaupun tidak berlaku sebarang kematian, ia telah menyebabkan gangguan kesihatan kepada orang ramai di kawasan tersebut, khususnya kanak-kanak.

Pasir Gudang adalah bandar pelabuhan yang pesat membangun dan mempunyai banyak industri kimia. Penambahan bilangan kilang kimia di situ turut meningkatkan pencemaran udara. Pada masa sama, banyak kawasan perumahan, sekolah dan pusat komuniti juga terletak sangat berhampiran dengan kilang-kilang berkenaan.

Saya mengalu-alukan keputusan kerajaan untuk menghentikan kelulusan baharu bagi membuka kilang kimia di kawasan Pasir Gudang. Lanjutan daripada keputusan ini, kerajaan harus menyediakan garis panduan baharu kepada agensi yang bertanggungjawab memberikan kelulusan berkenaan. Kepadatan dan jenis industri kimia yang sedia ada harus diambil kira sebelum meluluskan pembinaan kilang baharu.

Pertimbangan ekonomi yang hanya memfokuskan pelaburan yang menjana pendapatan bagi negeri haruslah tidak membelakangkan impak

kepada rakyat dan persekitaran.

Kerajaan juga perlu melihat masalah pencemaran ini secara holistik. Selain daripada kepadatan kilang-kilang di kawasan perindustrian ini, pembangunan pesat di persekitaran juga menyebabkan kawasan hutan dan ladang kelapa sawit telah ditebang dan dibangunkan. Pembangunan sebegini mengurangkan zon hijau yang boleh menjadi penyerap atau pembersih udara sebelum dibawa angin ke kawasan sekolah dan perumahan.

Jadi, kes Pasir Gudang ini harus dijadikan teladan, apabila merancang pembangunan suatu kawasan industri kimia dan industri berat. Perlu dipastikan bahawa wujudnya zon penampungan yang mencukupi antara kawasan industri dan perumahan serta sekolah.

Dalam jangka masa panjang, kerajaan perlu menggunakan pendekatan lebih efektif seperti menyediakan alat pengesan indeks udara. Adalah lebih baik jika alat itu dipasang di semua kawasan sekolah supaya pihak sekolah dapat membaca indeks udara dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya jika berlaku pencemaran.

**P. MOHAN**  
 Johor

LAMPIRAN 10  
BERITA HARIAN (SENTRAL): MUKA SURAT 62  
TARIKH: 16 JULAI 2019 (SELASA)

# Aktiviti kuari ancam keselamatan, kesihatan

Penduduk Kampung Sebir dakwa rumah berdebu, retak kena serpihan

Oleh Azzman Abdul Jamal  
azzman@bh.com.my

**Seremban:** Aktiviti kuari yang terletak begitu hampir dengan kawasan perkampungan Orang Asli Kampung Sebir, di Labu, di sini, dikhuatiri boleh mengancam keselamatan dan kesihatan penduduk di situ.

Penduduk mendakwa, disebabkan jarak dekat antara lokasi kuari dan perkampungan itu, rumah yang didiami kira-kira 120 penduduk diancam debu selain ada yang mengalami keretakan akibat terkena serpihan batu daripada aktiviti letupan yang dijalankan.

Penduduk, Saruddin Husei, 42, berkata keadaan itu menyebabkan penduduk hidup dalam keadaan tidak tenteram kerana gegaran daripada letupan di kuari itu.

"Bunyi letupan memang kuat. Penduduk juga boleh rasa gegaran (daripada letupan itu).

"Letupan sering berlaku pada waktu tengah hari setiap minggu. Kami sekeluarga selalu terkejut setiap kali berlaku letupan," katanya kepada BH.

Sementara itu, tinjauan BH di lokasi mendapati kawasan kuari berkenaan terletak kurang 100 meter dengan perkampungan Orang Asli berkenaan.

Saruddin turut menunjukkan keadaan rumahnya yang dipenuhi debu serta beberapa kesan retak yang didakwa akibat terkena serpihan batu daripada aktiviti letupan di kuari berkenaan.



Kuari di Jalan Labu mengundang habuk dan debu di Perkampungan Orang Asli Sebir, Labu.

(Foto Adzlan Sidek /BH)

Penduduk lain, July Lanchong, 60, berkata mereka sudah beberapa kali meluahkan rasa tidak puas hati terhadap aktiviti kuari berkenaan sejak ia mula beroperasi pada tahun 1993.

"Dari dulu lagi kami membuat bantahan mengenai isu ini kerana debu daripada kawasan kuari itu menyebabkan ramai penduduk terutama kanak-kanak mengalami batuk dan asma.

"Saya kecewa kerana aduan kami selama ini seolah-olah tidak diendahkan.

"Saya berharap perkara ini dipandang serius oleh kerajaan. Sudah lama kami hidup dalam keadaan sengsara akibat aktiviti kuari di sebelah kawasan kampung ini," katanya.

Sementara itu, EXCO Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, S Veerapan, S Veerapan berkata kerajaan negeri akan menyiasat aduan penduduk Orang Asli itu.

Beliau berkata Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Sembilan sudah dimaklumkan mengenai perkara itu dan sedang menyia-



Penduduk menunjukkan habuk dan debu kesan kewujudan kuari di Jalan Labu.

sat untuk mengenal pasti sama ada pengusaha kuari terbabit melanggar peraturan yang ditetapkan.

"Pengusaha kuari di Negeri Sembilan perlu mematuhi EIA (Penilaian Impak Alam Sekitar). Berdasarkan EIA, jarak zon operasi (aktiviti kuari) adalah lebih 500 meter daripada kawasan penempatan awam.

"Sekiranya ada kuari yang tidak mematuhi peraturan ini, tindakan boleh diambil terhadap mereka.

"Kami ada terima aduan bahawa kuari yang dimaksudkan

ini (berhampiran Kampung Sebir) menjalankan operasi kurang daripada jarak ditetapkan. Saya sudah arahkan JAS untuk dapatkan maklumat lengkap berhubung perkara ini," katanya kepada BH.

Pada masa sama, Veerapan berkata, pihaknya bersedia untuk mengadakan perjumpaan dengan penduduk kampung terbabit untuk membincangkan penyelesaian.

"Kalau perlu kita akan jumpa dengan rakyat untuk memberi penerangan mengenai keadaan kuari itu," katanya.

LAMPIRAN 11  
 HARIAN METRO (BISNES): MUKA SURAT 30  
 TARIKH: 16 JULAI 2019 (SELASA)

Alzahrin Alias

bisnes@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**P**eningkatan dalam pelaburan teknologi di seluruh dunia bakal menyaksikan satu daripada lima pekerjaan akan digantikan oleh automasi dan kecerdasan buatan (AI) dalam tempoh lima tahun akan datang.

Laporan KPMG International dan Harvey Nash 2019 menunjukkan apabila organisasi global memberi tumpuan kepada penggunaan teknologi, ia akan meningkatkan kecekapan dalam perniagaan mereka.

Laporan juga menunjukkan pekerjaan baharu akan muncul untuk mengimbangi dan membolehkan pekerja melaksanakan tugas yang lebih tinggi dan akan menjurus kepada penyusunan semula peranan dalam keseluruhan bidang perniagaan.

Sejak tahun lalu, organisasi telah melihat peningkatan dalam pelaburan teknologi di seluruh dunia, dan kini hanya masa bila robot dan teknologi kognitif lain menjadi keutamaan di tempat kerja.

"Untuk mencapai potensi sepenuhnya teknologi ini, organisasi mesti berfikir melepasi pelaburan teknologi, dengan memberi tumpuan kepada strategi transformasi secara meluas.

"Ia memerlukan pemimpin perniagaan mengambil inisiatif untuk menaikkan tenaga kerja mereka dan



**BISNES**

TEL 1-300-22-8787 S.A.M.B 4979

TWITTER bisnesHM

SATU daripada lima pekerjaan akan digantikan oleh automasi atau AI.

# AUTOMASI GANTI KERJA

## ■ Organisasi global guna teknologi AI tingkat kecekapan dalam perniagaan

pada masa sama memberi tumpuan kepada usaha menarik dan mengekalkan bakat baharu, dan memastikan mereka bersedia pada masa akan datang," katanya.

Bagaimanapun, disebabkan

kan tumpuan kini kepada pelaburan teknologi, laporan itu menyebut pemimpin teknologi kini berusaha untuk mencari bakat yang tepat memandangkan tahap kurangnya kemahiran ini

mencatat paras tertinggi sejak 2008.

Tinjauan itu mengenal pasti data raya atau analitis (44 peratus), keselamatan siber (39 peratus) dan AI (39 peratus) sebagai tiga bidang

kemahiran yang paling sukar, yang boleh menjadi penghalang kepada pertumbuhan organisasi yang mahu mengubah perniagaan mereka. Sehingga 2019, hanya 16

peratus daripada organisasi telah melaksanakan AI dalam proses automasi beberapa proses mereka, namun bilangannya meningkat setelah teknologi ini lebih mudah diakses.

LAMPIRAN 12  
 HARIAN METRO (GLOBAL): MUKA SURAT 34  
 TARIKH: 16 JULAI 2019 (SELASA)

Dua maut gempa bumi Maluku

**Jakarta:** Sekurang-kurangnya dua maut dan ribuan penduduk yang ketakutan meninggalkan kediaman masing-masing selepas satu gempa bumi kuat berukuran 7.3 magnitud melanda pulau Maluku di timur Indonesia, kata pegawai semalam.

Tinjauan Geologi Amerika Syarikat memberitahu, gempa bumi cetak itu melanda kira-kira 1656 kilometer dari selatan bandar Ternate di wilayah Maluku Utara pada petang kelmarin.

Di daerah Halmahera Selatan yang paling dekat dengan pusat gempa, kira-kira 160 rumah runtuh atau ro-

sak akibat gegaran itu.

Pegawai memberitahu, dua wanita maut akibat dihempap runtuhan bangunan.

Gempa bumi kuat itu turut menyebabkan penduduk yang ketakutan melarikan diri ke kawasan ting-

gi. "Lebih 2,000 penduduk di pindahkan," kata agensi pengurusan bencana kebangsaan, Agus Wibowo.

Katanya, penduduk yang dipindahkan berlindung di beberapa sekolah dan ba-

ngunan kerajaan.

Pegawai pengurusan bencana wilayah, Ihsan Subur memberitahu, kebanyakan penduduk masih trauma dan enggan kembali ke kediaman masing-masing kerana bimbang gempa bumi lebih kuat atau tsunami melanda.

Agensi kaji cuaca Indonesia berkata, sekurang-kurangnya 65 gempa susulan direkodkan sejak gempa bumi kuat itu hingga pagi semalam. - AFP

**FAKTA**  
 Kebanyakan penduduk masih trauma dan enggan kembali ke kediaman masing-masing



PENDUDUK yang ketakutan tidur di luar masjid di daerah Halmahera Selatan selepas gempa bumi kuat melanda wilayah Maluku utara kelmarin. - Reuters

LAMPIRAN 13  
THE STAR (WORLD): MUKA SURAT 29  
TARIKH: 16 JULAI 2019 (SELASA)

# Four, three, two ... oh, wait

## India scrubs Moon mission launch one hour before lift-off

**SRIHARIKOTA (India):** India postponed the launch of a lunar probe less than an hour before blast-off because of a technical problem, delaying its bid to become only the fourth nation to land a spacecraft on the Moon.

The *Chandrayaan-2* – or Moon Chariot 2 – mission is part of India's ambitious space programme, and its success would have propelled the South Asian nation into rarefied company: Russia, the United States and China are the only countries to have landed craft on the lunar surface.

The spacecraft looked set for launch atop a Geosynchronous Launch Vehicle (GSLV) Mk III – India's most powerful rocket – from the Satish Dhawan Space Centre, but countdown was halted 56 minutes and 24 seconds before the planned lift-off at 2.51am local time on Sunday.

"A technical snag was observed in launch vehicle system at one hour before the launch," the Indian Space Research Organisation (ISRO) said.


"As a measure of abundant precaution *Chandrayaan-2* launch has been called off for today. Revised launch date will be announced later."

The agency did not say when it would attempt the launch again, and did not share any details about the technical issue. The spacecraft's Moon landing had originally been scheduled for Sept 6.

Scores of enthusiasts, including schoolchildren, had gathered to witness the launch.

"We do not know what happened ... We are disappointed. I hope they rectify whatever the issue is," one of the spectators was quoted as saying by the Press Trust of India news agency.

India has spent about US\$140mil (RM575mil) on *Chandrayaan-2* – designing and building almost all of



**Failure to launch:** ISRO's Geosynchronous Satellite launch Vehicle Mk III carrying 'Chandrayaan-2' standing at the Satish Dhawan Space Centre after the mission was aborted at the last minute at Sriharikota in southern India. – AP

its components domestically – and hailed the mission as one of the cheapest ever.

A soft landing on the Moon would be a huge leap forward in India's space programme.

National pride is at stake as Prime Minister Narendra Modi has vowed to launch a crewed space mission by 2022.

It follows another high-profile but low-cost Indian mission – *Mangalyaan* – which put a spacecraft in orbit around Mars in 2014 at a fraction of the cost of comparable projects by established space powers like the United States, which often cost billions of dollars.

*Chandrayaan-2* will follow *Chang'e-4*, launched by China, which in January became the first spacecraft to successfully land on the far side of the Moon.

The Indian mission will involve a 2.4-tonne orbiter that will circle the Moon for about a year, imaging and studying the surface – including a search for water – and will also examine the lunar atmosphere.

A 1.4-tonne lander *Vikram*, will head to the lunar south pole.

It will carry with it a solar-powered rover named *Pragyan* – "wisdom" in Sanskrit – which will roam as far as 500m away from the lander to study the composition of the

Moon's surface for one lunar day – the equivalent of 14 Earth days.

India's first lunar mission – *Chandrayaan-1* in 2008 – did not land on the Moon, but orbited the Moon searching for water using radar.

New Delhi also has ambitions to land a probe on Mars, following the success of the *Mangalyaan* orbiter.

Lunar exploration has been in focus in recent months with the looming 50th anniversary of the first human landing on the Moon, and US President Donald Trump giving Nasa a 2024 deadline to return astronauts to the lunar surface. — AFP

LAMPIRAN 14  
 BERITA HARIAN (DUNIA): MUKA SURAT 72  
 TARIKH: 16 JULAI 2019 (SELASA)

# 65 gegaran susulan landa Maluku

*Dari muka 71*

Pegawai agensi bencana tempatan, Ihsan Subur, berkata kebanyakan penduduk masih trauma dan enggan kembali ke rumah kerana bimbang gempa berlaku lagi atau kemungkinan tsunami.

Agensi kaji cuaca Indonesia berkata, sekurang-kurangnya 65 gegaran susulan direkodkan antara gempa bumi awal dan pagi semalam.

Pegawai kerajaan mula mengedarkan makanan dan bekalan

bantuan lain kepada penduduk yang meninggalkan rumah mereka.

Wilayah Maluku Utara juga dilanda gempa bumi berukuran 6.9 minggu lalu tetapi tiada kerosakan besar atau kematian dilaporkan.

Tahun lalu, gempa berukuran 7.5 magnitud serta tsunami di Palu, Sulawesi meragut lebih 2,200 nyawa manakala lebih 1,000 dilaporkan hilang dalam satu bencana terburuk di Indonesia. AFP



Penduduk tempatan berehat di luar masjid susulan gempa kuat di Halmahera Selatan di Utara Maluku, kelmarin.

(Foto REUTERS)





# LAMPIRAN 15 KOSMO! (DUNIA): MUKA SURAT 40 TARIKH: 16 JULAI 2019 (SELASA)

## Beg plastik memalukan untuk pelanggan degil

### VANCOUVER, Kanada

– Walaupun beg plastik mencemarkan Bumi, masih ramai pelanggan yang memintanya ketika berada di kedai atau pasar raya atas pelbagai alasan termasuk hendak cepat atau terlupa membawa beg kitar semula.

Bagaimanapun, jika anda berada di pasar East West Market di bandar raya ini, anda mungkin berfikir dua kali sebelum berbuat demikian.

Laman berita *Good News Network* melaporkan, pasar raya Kanada itu memperkenalkan strategi melucukan tetapi berkesan untuk menggalakkan pelanggan supaya tidak menggunakan beg



GAMBAR menunjukkan sebuah pasar raya East West Market di Kanada.

plastik sekali guna.

Pengurusan pasar raya itu mencetak sebanyak 1,000 beg plastik tersebut dengan slogan yang memalukan.

Antaranya termasuk beg plastik

tertera logo pornografi dan ubat ketuat.

Menurut pemilik pasar raya tersebut, David Lee Kwen, dia mengambil pendekatan berbeza kerana ramai orang tidak suka

menerima arahan atau diberitahu perkara yang mereka tidak boleh lakukan.

"Kami mahu memberi mereka sesuatu yang lucu dan membuatkan mereka berfikir pada masa yang sama," kata Kwen kepada akhbar *The Guardian*.

Bagi sebahagian besar pelanggan Kwen, mereka bersetuju bahawa beg plastik itu mencapai matlamatnya.

"Saya rela membawa semua barangan runcit menggunakan tangan jika perlu, saya tidak mungkin menggunakan beg plastik ini," kata seorang pelanggan pasar raya tersebut. – Agensi



BEG plastik memalukan ini diberikan kepada pelanggan yang tidak membawa beg beli-belah kitar semula.

LAMPIRAN 16  
KOSMO! (DUNIA): MUKA SURAT 42  
TARIKH: 16 JULAI 2019 (SELASA)

Gempa bumi kedua di Maluku menyebabkan penduduk trauma

# Ribuan penduduk enggan pulang

**JAKARTA** - Sekurang-kurangnya dua mangsa ditemui maut dan beratus-ratus lagi terpaksa dipindahkan selepas satu gempa bumi kuat berukuran 7.3 magnitud pada skala Richter melanda kepulauan terpencil Maluku di timur Indonesia kelmarin, kata seorang pegawai.

Gempa bumi cetek yang melanda pekan Ternate, kira-kira 165 kilometer di selatan barat daya wilayah Maluku Utara pada pukul 6.28 petang (waktu tempatan), menurut Pusat Kajian Geologi Amerika Syarikat (USGS).

Di daerah Halmahera Selatan, kawasan paling hampir dengan pusat gempa, kira-kira 160 buah rumah musnah ketika gegaran kuat itu berlaku.

Dua mangsa wanita dilaporkan

maut akibat dihempap sisa runtuhan, kata pihak berkuasa.

"Lebih 2,000 penduduk sudah dipindahkan," kata jurucakap agensi mitigasi bencana kebangsaan, Agus Wibowo pada satu sidang akhbar semalam.

Penduduk yang dipindahkan kini berlindung sementara di beberapa buah sekolah, bangunan kerajaan dan kawasan tanah tinggi.

"Gempa susulan masih berlaku dan sangat kerap menyebabkan orang ramai masih dalam keadaan trauma dan tidak berani pulang ke rumah," kata pegawai pengurusan bencana tempatan, Ihsan Subur.

Agensi Meteorologi, Klimatologi dan Geofizik Indonesia menyatakan sehingga pagi semalam, sekurang-kurangnya 65 gempa

susulan direkodkan selepas gempa bumi awal.

Pegawai-pegawai kerajaan tempatan mula mengedarkan keperluan makanan dan logistik kepada mangsa-mangsa yang dipindahkan.

Pada minggu lalu, wilayah Maluku Utara dilanda satu gempa bumi sekuat 6.9 magnitud, namun tiada kerosakan teruk dan kematian dilaporkan.

Indonesia sering berdepan aktiviti seismik dan gunung berapi berikutan kedudukannya di Lingkaran Api Pasifik yang mana plat-plat tektonik berlanggar.

Tahun lalu, satu gempa bumi berukuran 7.5 magnitud pada skala Richter dan tsunami di Palu, Indonesia mengorbankan lebih 2,200 orang dan ribuan lain diisytiharkan hilang. - AFP



STR/AFP

BEBERAPA penduduk tempatan enggan pulang ke rumah masing-masing selepas kejadian gempa kuat di Labuha, Maluku Utara, Indonesia kelmarin.

**LAMPIRAN 17**  
**SINAR HARIAN (GLOBAL): MUKA SURAT 46**  
**TARIKH: 16 JULAI 2019 (SELASA)**

**Monsun musnahkan hampir 5,000 penempatan pelarian Rohingya**

**BALUKHALI** - Sekurang-kurangnya 10 terkorban dan ribuan penempatan sementara musnah sejak hujan monsun melanda kem pelarian Rohingya yang sesak di tenggara Bangladesh sejak April lalu.

Jabatan Meteorologi Bangladesh memaklumkan daerah Cox's Bazar yang menempatkan hampir sejuta pelarian Rohingya menyaksikan taburan hujan kira-kira 58.5 sentimeter sejak 2 Julai lalu.

Hujan lebat turut mencetuskan tanah runtuh di kem pelarian tersebut yang memusnahkan kira-kira 4,889 tarpaulin dan pondok diperbuat daripada buluh.


Menurut Pertubuhan Migrasi Antarabangsa (IOM), lebih 200

tanah runtuh dilaporkan di kem tersebut tersebut dan meragut 10 nyawa.

Minggu lalu, dua kanak-kanak Rohingya maut manakala 6,000 yang lain hilang tempat tinggal akibat hujan lebat.

Kebanyakan pelarian Rohingya mendakwa mereka kini berdepan kesukaran untuk melakukan aktiviti harian termasuk mendapatkan makanan di pusat agihan.

Sementara itu, Program Makanan Sedunia (WFP) memberitahu 11,400 memerlukan bantuan makanan tambahan sepanjang musim monsun terbabit berbanding 7,000 dalam tempoh sama pada 2018. - *Agensi*



Hujan lebat menyebabkan kebanyakan kawasan di sekitar Cox's Bazar ditenggelami banjir.

LAMPIRAN 18  
 SINAR HARIAN (GLOBAL): MUKA SURAT 47  
 TARIKH: 16 JULAI 2019 (SELASA)

# Misi Chandrayaan-2 dibatalkan

**Gangguan teknikal dikenal pasti dalam sistem pelancaran**

NEW DELHI

Pelancaran misi kedua India ke bulan terpaksa dibatalkan kurang sejam sebelum ia dijadualkan berlepas dari Pusat Angkasa Satish Dhawan di Sriharikota, Andhra Pradesh di pantai timur negara itu pada jam 2.51 pagi (waktu tempatan) semalam. Pertubuhan Penyelidikan Angkasa India (ISRO) memaklumkan *countdown* tersebut terhenti pada 56 minit dan 24 saat selepas gangguan teknikal dikenal dalam sistem pelancaran kenderaan.

"Sebagai langkah berjaga-jaga, pelancaran Chandrayaan-2 perlu ditangguhkan. Tarikh baharu pelancaran yang disemak semula akan diumumkan kemudian,"

kata ISRO dalam satu kenyataan tanpa memberikan sebarang butiran tentang isu teknikal itu.

Pada asalnya, pendaratan kapal angkasa itu adalah dijadualkan pada 6 September depan.

Orang ramai termasuk kanak-kanak sekolah yang berkumpul untuk menyaksikan pelancaran itu juga kecewa dengan pembatalan tersebut.

India berharap misi Chandrayaan-2 menggunakan roket gergasi, Geosynchronous Satellite Launch Vehicle Mark III (GSLV Mk-III) dan menelan kos AS\$150 juta (RM616 juta) itu akan menjadi kapal angkasa pertama mendarat di kutub selatan bulan.

Ia akan memberi tumpuan kepada permukaan bulan, mencari air dan mineral serta mengukur gempa pada bulan.

Jika misi itu berjaya, India akan menjadi negara keempat melakukan pendaratan sempurna pada permukaan bulan selepas Amerika Syarikat, China dan be-

kas Kesatuan Soviet.

Ketua ISRO, K Sivan memberitahu ia adalah misi angkasa paling kompleks pernah dilakukan agensi tersebut.

Misi itu akan membawa pengorbit yang akan mengelilingi bulan selama setahun.

Ia turut membawa robot pendarat dinamakan Vikram sempena nama Vikram A Sarabhai yang merupakan bapa program angkasa di negara itu.

Selain itu, ia juga membawa kenderaan perayau, Pragyan bermaksud 'kebijaksanaan' dalam bahasa Sanskrit yang akan melakukan tinjauan sejauh 500 meter daripada robot pendarat untuk mengkaji komposisi permukaan bulan selama sehari yang bersamaan 14 hari di bumi.


Pada 2008, misi pertama ke bulan, Chandrayaan-1 dilaporkan tidak mendarat pada permukaan bulan, namun ia menjalankan penyelidikan pertama mencari sumber air dengan radar. - AFP

**CHANDRAYAAN -2**  
 Misi kedua India ke bulan

Pada mulanya, dijangka mendarat di permukaan kutub selatan bulan pada 6 September depan

**Objektif utama**  
 Untuk membuktikan keupayaan melakukan pendaratan sempurna permukaan bulan dan mengendalikan kenderaan robotik

**Matlamat saintifik**  
 Kajian terhadap topografi lunar, mineralogi, kelimpahan unsur dan eksosfera bulan serta kewujudan air ais



Pendarat Vikram 1,471 kg termasuk kenderaan perayau Pragyan (kenderaan 6 roda menggunakan tenaga solar)

Pengorbit 2,379 kg

Sumber: ISRO/ NASA

Misi itu turut membawa robot pendarat, Vikram dan kenderaan perayau, Pragyan.

LAMPIRAN 19  
NEW STRAITS TIMES (OPINION): MUKA SURAT 56  
TARIKH: 16 JULAI 2019 (SELASA)



ZAKRI ABDUL HAMID

IMPROVING LIVES

# MAJOR TRANSFORMATIONS NEEDED TO ACHIEVE SDGS

Political will and strong leadership are much needed to carry us over the top

**A**T the end of last month, the Sustainable Development Solutions Network (SDSN) and Bertelsmann Stiftung published a report detailing progress by countries against the Sustainable Development Goals (SDGs) pledged by world leaders in 2015. While not an official monitoring tool, the Sustainable Development Report 2019 complements efforts by National Statistical Offices and international organisations to collect and standardise SDG indicators to monitoring.

Launched in 2016, the annual report provides the most up-to-date data from the World Bank, World Health Organisation, International Labour Organisation and official sources, as well as non-official data sources (including research centres and non-governmental organisations). In addition to its index and dashboards, the report offers recommended implementation strategies. The concept of "transformative change" is gaining momentum in the research, business, and policy communities due to alarming trends in climate change and biodiversity loss that may soon become irreversible.

According to the report, "rising income and wealth inequalities and unequal access to key services, such as health and education, within countries also call for deep transformations of social, territorial, and fiscal policies.

Designing the right mix of transformative policies and balancing short-term and long-term considerations require the integrated efforts of scientists, engineers and policy specialists.

Broad public support and buy-in are also needed." In the report, the performance of nations is ranked worst on SDG 13 (Climate Action), SDG 14 (Life below Water), and SDG 15 (Life on Land).

No country obtains a "green rating" (the report's indicator for the achievement of an SDG) on SDG 14 (Life below Water).



The Sustainable Development Report 2019 calls for six major transformations to address skills and jobs, health, clean energy, biodiversity, cities and digital technology. FILE PIC

This is quite disturbing as it implies that most countries are only paying lip service to these environmental issues.

And we are losing ground in many areas, as underscored by recent reports of the Intergovernmental Panel on Climate Change and the Intergovernmental Science-Policy Platform on Biodiversity and Ecosystem Services (IPBES).

One million species are threatened with extinction, and, as IPBES said, "we are eroding the very foundations of our economies, livelihoods, food security, health and quality of life worldwide.

Young people around the world are taking to the street to protest the lack of environmental action by governments and businesses.

The SDSN report authors conclude that "sustainable land use and healthy diets require integrated agriculture, climate, and health policy interventions.

New indicators on nations' trophic level and yield gap closure highlight where energy and agricultural efficiency can be strengthened to support sustainable food supply while addressing negative environmental, biodiversity, and health impacts of diets."

High-income countries generate high environmental and socio-economic spillover effects such as "deforestation as a result of altered land use for agricul-

ture, tax havens and banking secrecy that undermine a country's ability to raise public revenues, and tolerance for poor labour standards in international supply chains" that harm the poor and women in particular.

Meanwhile, widespread conflicts continue to be a leading cause of reversals in SDG progress.

Modern slavery and the share of waiting detainees in prison remain high, particularly in low-income countries.

Trends in corruption and freedom of press are worsening in more than 50 of the countries covered in the report, which include several middle-income and high-income countries.

"Eradicating extreme poverty remains a global challenge with half of the world nations not on track for achieving SDG 1 (No Poverty).

In middle- and high-income countries, rising income inequalities and persisting gaps in access to services and opportunities by income or territorial area remain important policy issues."

The SDG Index and Dashboards summarises countries' current performance and trends on the 17 SDGs.

This year's index is topped by Denmark, Sweden and Finland, whereas the Congo, Chad, and the Central African Republic rank last among the 162 countries assessed.

How did Malaysia fare? We were 55th last year but we are now 68th. That said, the indicators, data, and methodology have been revised for the 2019 Index, meaning that the rankings and scores are not exactly comparable with the three previous annual editions.

According to the report, of the 17 SDGs, Malaysia has achieved SDG#1 (ending poverty) and is on track to achieving both SDG#8 (decent work and economic growth) and SDG#9 (industry innovation and infrastructure).

There are challenges to address SDG#14 (life below water), SDG#13 (climate action) and SDG#15 (life on land).

We are moderately improving on the rest of the SDGs.

Says Jeffrey D. Sachs, director of the SDSN: "The Sustainable Development Report 2019 calls for six major transformations in every country to address skills and jobs, health, clean energy, biodiversity and land use, cities, and digital technology.

All countries have a big job ahead to create SDG roadmaps and strategies for success."

At the end of the day, political will and strong leadership are much needed to carry us over the top.

The writer is a member of the SDSN Global Leadership Council and the founding chair of the SDSN Malaysia chapter

According to the report, of the 17 SDGs, Malaysia has achieved SDG#1 (ending poverty), on track to achieving both SDG#8 (decent work and economic growth) and SDG#9 (industry innovation and infrastructure).